



19 September 2011
19 September 2011
P.U. (A) 323

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN
KEPADA PETRONAS CARIGALI SDN. BHD., KERTEH,
TERENGGANU) 2011

*FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION PETRONAS
CARIGALI SDN. BHD., KERTEH, TERENGGANU) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECEUALIAN KEPADA PETRONAS CARIGALI SDN. BHD., KERTEH, TERENGGANU) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada Petronas Carigali Sdn. Bhd., Kerteh, Terengganu) 2011**.

Pengecualian

2. Semua bejana tekanan tidak berapi yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama Petronas Carigali Sdn. Bhd., Kerteh, Terengganu yang telah diberikan perakuan kelayakan, dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(*b*) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habisnya tempoh perakuan kelayakan itu pada 23 Jun 2011.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat bahawa semua bejana tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.